

24. DASAR MENGENAI PERUNTUKAN 30% DARIPADA RUMAH-RUMAH KEPADA BUMIPUTERA

Semua pemajuan perumahan yang baru yang melibatkan lebih dari 4 buah rumah, pemaju yang berkenaan mestilah diberitahu melalui surat bahawa:-

- (i) Mereka dikehendaki mengiklankan di dalam akhbar tempatan tentang penjualan kepada bumiputera sebanyak 30% dari jumlah unit-unit yang akan didirikan itu untuk tempoh selama 6 bulan dengan pengurangan harga jualannya sebanyak 5% dan jika pada akhir tempoh 6 bulan itu rumah-rumah yang dikhaskan kepada bumiputera itu masih lagi tidak dijual, maka unit-unit yang sedemikian itu nanti hendaklah dijual kepada bukan bumiputera ; dan
- (ii) Mereka adalah juga dikehendaki, di mana boleh menyediakan 30% dari perumahan murah di atas tapak yang akan dimajukan ataupun di atas tapak yang lain. Satu salinan surat yang akan dihantar kepada pemaju berkenaan berhubung dengan peruntukan sebanyak 30% dari jumlah unit-unit kepada bumiputera itu nanti hendaklah dihantar kepada Unit Penyelarasan Peyertaan Bumiputera. Surat berhubung dengan peyediaan perumahan kos rendah itu pula hendaklah dihantar di mana pelan-pelan dikemukakan.

(Diluluskan pada 23.8.84)